

DEMAM Lobster!

Kamu gemar makanan laut atau lebih spesifik lagi udang karang? Ini restoran pilihan Cosmo yang menawarkan sajian lobster hebat dengan harga berpatutan.

PINCE & PINTS


32, Jalan Telawi 5, Bangsar Baru, Kuala Lumpur

Waktu Operasi: 5pm - 11pm

Jika kamu peminat setia udang karang, kunjungan kamu ke sini pasti tidak menghampakan kerana setiap hidangan menyajikan seekor lobster dengan anggaran berat 600 gram hingga satu kilogram. Menu lobster di Pince & Pints agak terhad tetapi ia mementingkan kualiti dalam setiap hidangan. Apa yang istimewa di sini? *The Lobster Roll* pasti buat kamu di awang-awangan dengan kombinasi sos *garlic aioli* serta perahan lemon. Untuk sajian *Live Whole Lobster*, kamu boleh pilih cara udang karang dimasak sama ada panggang atau rebus. Sajian ini dihidang bersama salad, kentang goreng dan sos mentega herba. Sajian *signature* dari Singapura iaitu *Chilli Lobster* menggunakan ramuan seperti tomato roma, cili, serai, bawang putih dan telur untuk sos, cukup sesuai dimakan bersama roti kukus *mantou*. Setiap hidangan berharga RM158. Untuk minuman, *Cosmo* cadangkan minuman khas iaitu *Bangsar Mule* gabungan jus oren, limau nipis, pudina dan sirap halia. Sangat *refreshing*!




Live Whole Lobster



Lobster Roll

Lobster Noodles adalah sajian yang 'wajib' kamu cuba. Hidangan yang boleh dikongsi dua hingga tiga orang ini mampu memikat hati sesiapa saja! Dimasak bersama daun bawang dan halia, udang karang diletakkan di atas mi telur dan kombinasi rasanya cukup sempurna bila dihidangkan bersama sambal cili. Setiap kunyahan pasti terasa rangup ikan bilis yang ditumbuk dalam sambal cili.



STAR
DISH

